

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 07 TAHUN 2008

Rujukan Kami : UPNM (P) 01.03/06 ()

Tarikh : Disember 2008

Semua Staf

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
57000 KUALA LUMPUR

Y.Bhg.Prof./ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan

PANDUAN PERATURAN PAKAIAN SEMASA BEKERJA

Dengan hormatnya sukacita saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Naib Canselor Bil.16 /2008 bertarikh 28 November 2008 telah bersetuju menerima pakai Panduan Peraturan Pakaian Semasa Bekerja. Sehubungan itu, Y.Bhg.Prof./ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dikehendaki mematuhi peraturan ini dengan sewajarnya.

3. Diharapkan setiap Ketua Jabatan/Bahagian/Unit/Fakulti masing-masing dapat menguatkuasakan peraturan ini dan memantau perlaksanaannya. Bersama – sama ini disertakan Panduan Peraturan Pakaian Semasa Bekerja untuk rujukan dan tindakan Y.Bhg.Prof./ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan. Segala kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“KEWAJIPAN MARUAH INTEGRITI”

Yang benar,

MAZULA BT SABUDIN

Pendaftar UPNM

s.k : Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (HEPA)
Timbalan Naib Canselor (HEAA)